

TEKS UCAPAN
TUAN SETIAUSAHA PERBANDARAN
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MAJLIS PELANCARAN PEMULIHAN AIR SUNGAI
SEBERANG JAYA OLEH ARMSTRONG TECHNOLOGY
SDN BHD DAN SOUTH ISLAND GARMENT SDN BHD
18 FEBRUARI 2017 (SABTU), 9.30 PAGI

Yang Berusaha Encik Loy Cheah

Pengurus Operasi Armstrong Technology Sdn Bhd.

Yang Berusaha Encik Lim Eng Chuan

Pengurus Besar, South Island Garment Sdn. Bhd.

Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua - ketua Jabatan dan Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan - rakan Media

Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi dan salam sejahtera,

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Armstrong Technology Sdn. Bhd dan South Island Garment Sdn. Bhd beserta kakitangannya kerana telah berusaha dan berjaya menganjurkan majlis pada pagi ini.

Hadirin dihormati,

Sedikit perkongsian, Taman Tunku ini diberi nama sempena Perdana Menteri Malaysia yang pertama iaitu Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Shah. Jika tuan-tuan

memasuki taman ini melalui laluan diantara Masjid Seberang Jaya dan Kompleks Kolam Renang Awam

Seberang Jaya, dapat dilihat sebuah tugu berbentuk tengkolok yang dibina sebagai memorial kepada beliau.

Taman yang dilengkapi dengan trek jogging dan peralatan 'outdoor gym' ini merupakan tempat rekreasi yang digunakan oleh orang awam untuk beriadah. Pada tahun 2016, terdapat dua projek CSR telah dijalankan di sini. Yang pertama adalah Rawatan Kualiti Air Sungai Dengan EM Mud Ball pada 19 Mac 2016 bersama South Island Garment juga. Saya berterima kasih atas dedikasi yang ditunjukkan oleh SIG Sdn. Bhd dalam usaha untuk memelihara alam sekitar. Pada hari ini, SIG bersama

Armstrong Technology berganding bahu untuk meneruskan misi yang murni ini.

Bagi tahun 2016, lontaran bebola tanah ke dalam Sungai Derhaka telah dibuat oleh South Island Garment sebanyak 11 kali. Persampelan air sungai ini telah diambil sebanyak tiga kali pada 30 Mei 2016, 27 September 2016 dan 7 Februari 2017 untuk diuji bacaan biological oxygen demand (bod), carbon dioxide demand (cod), suspended solid (ss) dan bacaan ph air.

Hasil persampelan tersebut mendapati, terdapat penambahbaikan kualiti air dalam bacaan kedua berbanding bacaan yang pertama. Namun, bagi bacaan

ketiga terdapat penurunan kualiti air dari aspek, bod, cod dan suspended solid.

Untuk persampelan yang pertama bacaan bod: 13, cod : 48, suspended solid: 157 dan ph adalah 6.4.

Manakala dalam persempelan yang ke dua, terdapat penurunan bacaan untuk aspek bod, cod dan suspended solid dan ini merupakan sesuatu yang positif. Bacaan untuk bod: 9, cod: 41, suspended solid: 28 dan ph hampir mendekati neutral iaitu 6.7.

Namun begitu, untuk persampelan yang ketiga terdapat peningkatan kembali dalam bacaan bod: 11, cod: 84 suspended solid: 44: dan ph air adalah 6.6.

Bacaan	30/5/2016	27/9/2016	7/2/17
BOD	13	9	11
COD	48	41	84
SS	157	28	44
PH	6.4	6.7	6.6

Jadual 1.1. Jadual Bacaan Persempelan Air

Dirumuskan dari bacaan ini, konsistensi diperlukan dalam memastikan kualiti air sungai ini berada dalam kualiti yang baik secara berterusan.

Para hadirin,

Selain penjagaan kualiti air dengan tidak menyalurkan air limbah atau grey water sewenang-wenangnya ke dalam sungai, kita juga perlu memupuk kesedaran di kalangan masyarakat agar tidak membuang sampah merata-rata.

Mengambil contoh botol plastik yang dibuang di atas jalan raya, jika ia masuk ke dalam longkang, kemudian ke dalam sungai dan seterusnya ke dalam laut. Ia bukan sahaja akan menyebabkan pencemaran tetapi juga boleh menyebabkan terganggunya ekosistem alam, kerana plastik yang terampai dilautan akan dianggap sebagai makanan oleh haiwan samada di lautan ataupun burung yang berterbangan. Haiwan yang bertindak sebagai pemangsa akan menjadikan plastik ini sebagai makanan dan ia akan membahayakan nyawa haiwan tersebut.

Jika dilihat dari aktiviti kitar semula bagi kawasan Seberang Perai, beratan bagi plastik yang dikitar semula untuk sepanjang tahun 2016 adalah 25,101.54 tan. Bayangkan tuan-tuan, jika bahan plastik ini tidak dikitar

semula, samada ia akan berakhir di tapak pelupusan sampah atau jika ia dibuang tanpa terurus, betapa besarnya mudarat kepada alam sekitar kita.

Hadirin yang dihormati,

Saya ingin mengambil kesempatan pada pertemuan kita pada hari ini, untuk sekali lagi mengingatkan semua mengenai Dasar Pengasingan Sisa Di Punca Negeri Pulau Pinang yang mana akan dikuatkuasakan penguasaanya pada 1 Jun 2017.

Buat masa sekarang, MPSP telah mengeluarkan Notis Pemberitahuan kepada premis-premis yang didapati tidak mengasingkan sisa di punca. Sebanyak 9446 Notis Pemberitahuan telah dikeluarkan dari Ogos hingga

Disember 2016 dan pada Januari 2017 pula sebanyak 2071 Notis Pemberitahuan telah dikeluarkan.

Saya ingin berkongsi disini jumlah beratan sampah dari seluruh Seberang Perai pada tahun 2016 ialah 434,008.51 tan. Manakala pada tahun 2015, beratan sampah yang dihantar ke Pulau Burung adalah 440,460.40 tan. Terdapat penurunan sebanyak 6451.89 tan sampah yang masuk ke tapak pelupusan.

Jika dilihat ke atas kajian yang telah dijalankan oleh Penang Institute bagi tempoh 2008 hingga 2015, beratan sampah perkapita sebanyak 1.6 kg (2008) telah menurun kepada 1.3kg bagi tahun 2015 . Diharap selepas Dasar Pengasingan Sisa Di Punca Negeri Pulau Pinang dikuatkuasakan sepenuhnya, pada tahun-tahun

mendatang, beban sampah perkapita akan semakin menurun. Ini sejajar dengan misi dalam menjadikan Seberang Perai, *Greener, Safer, Healthier and Happier*.

Hadirin dihormati,

Bersama misi dan impian kita bersama, dalam melestarikan alam sekitar demi kelangsungan generasi akan datang, saya dengan ini melancarkan Program Pemulihan Air Sungai Seberang Jaya oleh Armstrong Technology Sdn Bhd dan South Island Garment Sdn. Bhd.

Sekian, terima kasih.